

23 SEP 2003

BDO-BAJET/I

KERAJAAN BOLEH CAPAI BAJET BERIMBANG MENJELANG 2005

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Pelbagai dasar yang dibentangkan oleh kerajaan untuk merencanakan ekonomi kemungkinan membolehkannya mencapai bajet berimbang menjelang tahun 2005, kata seorang juruperunding cukai di sini hari ini.

Bagaimanapun, pemulihan ekonomi dunia adalah juga faktor penting mencapai bajet berimbang menjelang tahun itu, kata pengarah cukai BDO Binder Tax Services Sdn Bhd, Lee Voon Siong.

"Pada asasnya ia adalah perkara serampang dua mata. Kita adalah negara berdagang, dengan itu kita bergantung dan dipengaruhi oleh faktor luaran yang kerajaan tidak dapat kawal. Dengan itu, pemulihan dalam ekonomi dunia juga adalah penting," katanya.

Dalam negara, Lee berkata, di segi dasar, kerajaan bergerak ke arah yang betul, terutama sekali dalam mempromosikan pelaburan domestik.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan mengiktiraf bahawa Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diterima tidak seperti yang dijangkakan, katanya kepada pemberita selepas taklimat Cadangan Bajet 2004 oleh BDO Binder di sini hari ini.

Lee berkata, insentif yang dicadangkan dalam Bajet 2004 berkesan dalam mendapatkan penduduk tempatan untuk melabur semula dan hasilnya akan merencanakan ekonomi.

Insentif untuk mempromosikan pelaburan semula termasuk menaikkan jumlah pendapatan yang boleh dicukai kepada RM500,000 daripada RM100,000 bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SKS) bagi memperolehi 20 peratus konsesi cukai korporat.

Lee berkata, di bawah jadual cukai korporat sebelum ini, sesebuah syarikat berpendapatan RM500,000 perlu membayar cukai berjumlah RM132,000 tetapi di bawah struktur cukai baru, SKS berpendapatan RM500,000 hanya perlu membayar cukai RM100,000.

"Mereka akan mempunyai RM32,000 untuk dilabur semula," kata Lee.

Bagi defisit Bajet, beliau berkata: "Ia kini telah menurun (defisit Bajet). Ia petanda yang baik. Walaupun ia bukan bajet yang benar-benar berimbang (menjelang 2005). Defisitnya akan turun.

"Kita sepatutnya dapat melakukannya dengan lebih baik lagi apabila rakyat mula berbelanja, ekonomi kita akan dijana dengan sendirinya dan tidak akan bergantung terlalu banyak kepada faktor luaran," katanya.

Kerajaan pada awalnya mensasarkan untuk mencapai bajet berimbang menjelang 2005, tetapi ia mendapati bahawa ini tidak akan dicapai disebabkan pelbagai faktor.

Ini termasuk penurunan yang banyak dalam aktiviti sektor swasta ekoran krisis kewangan serantau, ketidaktentuan dalam persekitaran luaran termasuk serangan 11 Sept di New York, ketegangan geo-politik di Asia Barat, perang di Iraq dan berlakunya Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet pada 12 Sept berkata, faktor di atas memerlukan kerajaan melaksanakan beberapa pakej rangsangan untuk menjana aktiviti ekonomi domestik bagi menghalang ekonomi daripada menuju ke arah kemelesetan.

Dengan itu matlamat bajet berimbang tidak dapat dicapai dalam tahun 2005, katanya.

Bagaimanapun, kerajaan komited untuk mencapai bajet berimbang dalam jangka masa dekat. -- BERNAMA

SM FR AHM